



CAREPLUS (M) SDN BHD

MAKLUMAT KEPADA UMUM

Seperti yang dikehendaki oleh:

Akta Keselamatan Kesihatan dan Pekerjaan

Kawalan Terhadap Bahaya Kemalangan Besar, Peraturan-Peraturan 1996

Jika Berlaku Kecemasan, Hubungi

Talian Umum: 06-677 2781

1. PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG


- Menurut peraturan kecil 22(1) Kawalan Terhadap Bahaya Kemalangan Besar Dalam Perindustrian (CIMA) 1996, adalah menjadi tanggungjawab kepada pemasangan berbahaya besar untuk memastikan pekerja-pekerja yang berada di luar tapak pemasangan besar yang besar kemungkinan terdedah kepada kemalangan besar yang berlaku di tapak, sekurang-kurangnya dibekalkan dengan pengetahuan seperti yang ditetapkan di dalam jadual 3.
- Dibawah Peraturan CIMA 1996, Careplus (M) Sdn. Bhd. (CPM) telah dikategorikan sebagai kawasan pemasangan bahaya besar. CPM telah menghantar laporan aktiviti industri kepada Ketua Pengarah Keselamatan Kesihatan Pekerjaan pada March, 2018

2. MAKLUMAT SYARIKAT

- **Syarikat**
Careplus (M) Sdn. Bhd. (CPM)
- **Alamat Pemasangan**
Lot 120 & 121, Jalan Senawang 3,
Kawasan Perusahaan Senawang,
70450 Seremban, Negeri Sembilan.
- **No. Telefon** : +606-677 2781
- **No. Fax** : +606-677 2780

Maklumat yang terkandung di dalam risalah ini disediakan oleh Pengurus Operasi Loji dan telah disemak bersama orang kompeten CIMA

3. PELAN LOKASI CAREPLUS (M) SDN. BHD.




Terletak di Kawasan Perusahaan Senawang, Negeri Sembilan. Dihubungkan melalui Jalan Senawang 2.



4. AKTIVITI PERINDUSTRIAN

- Industri pembuatan sarung tangan bagi pelbagai kategori
- Proses dalam industri termasuk pembuatan sarung tangan, pembersihan, kawalan kualiti, pembungkusan, proses melibatkan klorin, dan rawatan air industri.
- Penggunaan klorin bagi tujuan pembersihan dan peningkatan kualiti produk

5. ALIRAN PROSES RINGKAS



6. CIRI-CIRI BAHAN BERBAHAYA

- Bahan : Klorin / Chlorine
- Jenis bahaya: Bahan Bertoksik



7. KESAN POTENSI KEMALANGAN BESAR

Jenis Kemalangan	Kesan Kepada Masyarakat dan Alam Sekitar
Gas klorin terlepas ke udara	Bau yang tajam dan tidak disenangi dan mungkin akan mengakibatkan kerengsaan

8. SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN

- CPM melaksanakan Manual Sistem Pengurusan Keselamatan (SHM) untuk mengawal dan mengurus aktiviti-aktivitinya bagi mengenal pasti potensi dan risiko yang terlibat. SHM juga memastikan CPM membina, menjalankan operasi, memeriksa dan membaik pulih kemudahan-kemudahan fasiliti berpandukan kepada piawaian yang tertinggi untuk Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar. Ketelitian disiplin dan penerapan dari SHM, teknik analisa bahaya dan latihan tindakan kecemasan bagi memastikan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar kepada para pekerja, kontraktor, pelanggan dan masyarakat.

9. PERSEDIAAN KECEMASAN & PENGUNGUMAN KEPADA AWAM

- Siren panjang yang berterusan dibunyikan semasa kecemasan.
- Plan Tindakan Kecemasan akan diaktifkan
- Pihak berkuasa yang berkaitan dan orang awam (+Mutual Aid) akan dimaklumkan apabila perlu

11. PENGURUSAN DITEMPAT KERJA UNTUK MELINDUNGI KESELAMATAN

Perkara	Catatan
Pasukan Tindakan Kecemasan	Pasukan Tindakan Kecemasan CPM dianggotai oleh kakitangan yang terlatih untuk bertindak dengan segera dalam mengendali dan mengawal sebarang kecemasan.
Prosedur Bekerja Selamat	CPM komited dalam menyediakan Keselamatan kepada para pekerja dan premis sekitar. Bagi operasi yang berisiko terutamanya melibatkan bahan berbahaya. Para pekerja perlu menjalankan kerja mengikut prosedur yang telah ditetapkan CPM bagi memastikan keselamatan kerja yang dijalankan.

10. TUGAS PIHAK BERKUASA DAN MASYARAKAT

- Jika suatu kecemasan berlaku dan berpotensi untuk memberi kesan kepada penduduk sekeliling, pihak majikan akan menghubungi pihak berkuasa untuk memberitahu ahli-ahli dalam masyarakat dan jika perlu, menyediakan persiapan untuk mengosongkan kawasan. Masyarakat yang terlibat handaklah mematuhi arahan dari pihak berkuasa.
- Pihak CPM akan berhubung dengan pihak berkuasa berikut sekiranya berlaku kecemasan;
 1. Polis, Bomba, Hospital
 2. Jabatan Keselamatan Kesihatan & Pekerjaan
 3. Jabatan Alam Sekitar

12. ARAHAN AM KEPADA ORANG AWAM YANG TERLIBAT

- **Jangan Gementar !**
Patuhi arahan pihak berkuasa
- **JANGAN** mendekati tempat kecemasan kerana ini boleh membahayakan diri anda dan menghalang kerja-kerja menyelamat
- Patuhi **ARAHAN** dan beri kerjasama dan sokongan sepenuhnya kepada pihak berkuasa
- **TUNGGU** arahan selanjutnya dari diumumkan dari pihak berkuasa
- Sentiasa **BERJAGA-JAGA** dan beri tumpuan kepada semua arahan dan amaran yang diumumkan oleh pihak berkuasa seperti POLIS, BOMBA dan lain-lain

BERTENANG

JANGAN MENDEKATI

BEKERJASAMA

TUNGGU

PEKA